



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
(MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA)**

Bahagian Kokurikulum dan Kesenian  
*Division of Co-Curricular and Arts*  
Aras 3, Blok E9, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA



Tel. : + 603-8872 1610  
Faks (Fax) : + 603-8872 1608  
Portal : [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)  
(Website)

Ruj. Kami : KPM.600-6/1/8 Jld.4 ( 59)  
Ruj. tuan : PPM-4(047)/2018  
Tarikh : 23 April 2018  
7 Sya'ban 1439H

Ketua Pegawai Eksekutif  
Persekutuan Pengakap Malaysia  
Rumah B-P  
Jalan Hang Jebat  
50150 Kuala Lumpur

YBhg. Dato',

**PERMOHONAN KELULUSAN DAN PELEPASAN BERTUGAS PEGAWAI PENDIDIKAN / GURU  
PEMIMPIN SERTA AHLI PENGAKAP BAGI MENYERTAI KOROBORI KEBANGSAAN  
PENGAKAP KANAK-KANAK**

Dengan hormatnya surat tuan bertarikh 18 April 2018 adalah dirujuk.

2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa Bahagian ini **tiada halangan bagi penglibatan pegawai pendidikan/ guru pemimpin serta ahli pengakap untuk menyertai Korobori Kebangsaan Pengakap Kanak-kanak pada 6 hingga 10 Julai 2018 bertempat di Kem Pengakap Tengku Muhammad Ismail, Kuala Nerus, Terengganu** berdasarkan syarat-syarat berikut:

- 2.1 Mendapat kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri dan pengetua / guru besar sekolah-sekolah terlibat;
- 2.2 Penglibatan murid dalam aktiviti tersebut adalah dengan pengetahuan dan kebenaran pengetua / guru besar sekolah yang terlibat;
- 2.3 Persetujuan dan kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga murid yang menyertai program berkenaan;
- 2.4 Guru-guru dan murid-murid tidak boleh dipaksa menyertai program berkenaan;
- 2.5 Penglibatan guru dan murid dalam program ini tidak akan menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
- 2.6 Guru hendaklah sentiasa bersama-sama murid sepanjang program berlangsung;
- 2.7 Perlindungan insurans dan langkah-langkah keselamatan murid disediakan;
- 2.8 Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan guru dan murid yang terlibat dengan program ini;



2.9 Guru diingatkan agar melindungi waktu Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) murid;

2.10 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah yang terlibat.

3. **Kelulusan ini hanya untuk penglibatan pegawai pendidikan/ guru pemimpin serta ahli pengakap untuk menyertai Korobori Kebangsaan Pengakap Kanak-kanak pada 6 hingga 10 Julai 2018 bertempat di Kem Pengakap Tengku Muhammad Ismail, Kuala Nerus, Terengganu dan luput selepas 10 Julai 2018.** Pihak pengajur dipohon untuk menghantar mengemukakan **satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari** selepas pelaksanaan program tersebut. Kementerian Pendidikan Malaysia berhak menarik balik surat kelulusan sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa.


Sekian, terima kasih.

**“SEHATI SEJIWA”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“PERPADUAN MELALUI KOKURIKULUM”**

Saya yang menurut perintah,



**(MOHD RASHID BIN MEAN)**

Ketua Penolong Pengarah

Bahagian Kokurikulum dan Kesenian

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k. 1. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Negeri